



## JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

### KENYATAAN TENDER

Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang seperti di bawah untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut:-

No. Rujukan	Butir-Butir Pelawaan	Kod Bidang	Tarikh Tutup (12.00 tgh)	Syarat Utama Pelawaan
JPSWPKL(PP)/KOR/01/2023	PERKHIDMATAN UKUR UNTUK PERIZABAN DAN PEWARTAAN DI SUNGAI KLANG, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	330203 (Ukur Tanah)	4 Jun 2024 (Selasa)	<ol style="list-style-type: none"><li>Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan berdaftar di bawah kod bidang yang ditetapkan; dan</li><li>Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan masih sah</li></ol>

Tarikh Iklan : 9 Mei 2024 (Khamis).

Menghadiri Taklimat adalah **DIWAJIBKAN** pada 13 Mei 2024 (Isnin). Masa Pendaftaran: 9.00 pagi – 9.30 pagi. Tempat Pendaftaran: Bilik Mesyuarat Utama, JPS WPKL, Jalan Sultan Salahuddin, 50626 Kuala Lumpur. Taklimat akan bermula tepat pada pukul 9.30 pagi. Pendaftaran selepas 9.30 pagi tidak akan diterima.

Hanya penama seperti di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Firma Perunding (SAPFP) sahaja yang boleh menghadiri sesi taklimat. Firma perunding tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama di dalam SAPFP. Dokumen pelawaan hanya akan dijual kepada penama firma yang sah sahaja. Untuk maksud ini penama firma hendaklah membawa SAPFP YANG MASIH SAH bersama dengan salinan kad pengenalan dan satu SALINAN untuk menghadiri taklimat dan membeli dokumen pelawaan (dokumen hendaklah diperakusahkan).

Syarat-syarat, Arahan dan Maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan/Tender dan boleh mendapatkan Dokumen Pelawaan/Tender di Kaunter Jualan Sebutharga/Tender, Aras Bawah, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626 Kuala Lumpur bermula pada 13 Mei 2024 (Isnin) jam 2.30 petang hingga 21 Mei 2024 (Selasa) jam 4.00 petang. Dokumen Pelawaan/Tender adalah dijual dengan kadar RM50.00 bagi setiap satu (1) set. Bayaran hendaklah menggunakan kiriman wang sahaja yang dibayar atas nama **Akauntan Negara Malaysia – NRECC - T**.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah di masukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan "Cadangan Teknikal" dan "Cadangan Kos" di sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan dan dialamatkan kepada **Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran Sebutharga/Tender di Aras Bawah, Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, JPS WPKL, Jalan Sultan Salahuddin, 50626 Kuala Lumpur tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada 4 Jun 2024 (Selasa)**. Dokumen cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.